

KAKITANGAN DAN RAKAN SEKERJA NEXUS TERIMA HADIAH HARI RAYA NEXUS STAFF AND ASSOCIATES RECEIVE HARI RAYA HAMPERS

Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini dan sebagai tanda penghargaan kepada semua kakitangan dan rakan sekerja atas sumbangan mereka, Nexus pada Rabu, 12 Mei 2021 telah mengadakan majlis penyampaian hadiah-hadiah Hari Raya di Ibu Pejabat Nexus. Majlis penyerahan disempurnakan oleh Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah-pengarah syarikat. Hadiah berbentuk bakul makanan berisi biskut dan keropok buatan tempatan merupakan projek dan inisiatif Nexus sendiri iaitu NexGifts.

In conjunction with Hari Raya Aidilfitri this year and as a gesture of appreciation to all staff and associates for the contributions, Nexus on Wednesday, 12th May 2021 presented Hari Raya gifts to all, in a ceremony held at Nexus Headquarters. On hand to present the gifts was Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Nexus CEO and other company directors. The gifts in the form of hampers with locally-made biscuits and crackers were prepared in house under Nexus' own initiative, NexGifts.



The Management Team



Case Support team



Case Management team



Business Development team



Corporate Support team



Nexus Tech team



Penyerahan hadiah dari NexGifts kepada wakil HR
The handover of the hampers from NexGifts to HR representative



Pasukan NexGifts yang bertanggungjawab menyediakan hadiah-hadiah Hari Raya
The NexGifts team responsible for packing the Hari Raya hampers

5 LAGI RAKAN SEKERJA TERIMA DERMA MAHABBAH RAMADHAN

MAHABBAH RAMADHAN DONATIONS FOR 5 MORE RECIPIENTS

Projek amal Nexus, Mahabbah Ramadhan yang bermula kira-kira dua minggu lalu terus memberi manfaat kepada lebih ramai penerima minggu ini apabila lima ibu tunggal dikalangan rakan sekerja Nexus menerima sumbangan dalam bentuk baucar beli-belah dan barang makanan asasi. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Nexus pada Isnin, 10 Mei 2021 di Ibu Pejabat Nexus, Kompleks Annajat.

Nexus' charity drive, Mahabbah Ramadhan which began about two weeks ago continued to benefit more recipients this week when five single mothers, all Nexus staff were selected to receive the company and staff donations in the form of shopping vouchers and basic food items. The presentation ceremony was done by Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, CEO of Nexus on Monday, 10th May 2021 at Nexus Headquarters, Annajat Complex.





Para penerima bergambar ramai dengan CEO, Nexus
The recipients in a group photo with the CEO of Nexus

SUPERFISH ADAKAN LATIHAN UNTUK PARA PESERTA SKIM ***SUPERFISH CONDUCTS 3-DAY TRAINING FOR SCHEME PARTICIPANTS***

Latihan teori pertama mengenai kaedah penanaman cili untuk 21 peserta skim dan pembantu mereka telah diadakan minggu ini di Ibu Pejabat Nexus. Latihan selama 3 hari dari hari Isnin, 10 hingga Rabu, 12 Mei 2021 adalah untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul sebelum mereka memulakan projek tersebut. Dikendalikan oleh Wee Lee Sheng, pengasas bersama Superfish dan CTO, pelbagai aspek penanaman telah dikongsi dengan para peserta. Ini akan diikuti dengan kaedah penanaman secara praktikal selepas Hari Raya.

The first theoretical training on chilli farming for the 21 scheme participants and their assistants was held this week at Nexus Headquarters. The 3-day training from Monday, 10th to Wednesday, 12th May 2021 was to equip them with the right knowledge and skills before they embark on the project. Facilitated by Wee Lee Sheng, Superfish co-founder and CTO, various aspects of farming were shared with the participants. This will be followed by practical farming methods on site after Hari Raya.



Para peserta skim dan pembantu mereka
The scheme participants and their assistants



Wei Lee Sheng dan Hazel Lim ketika mengendalikan latihan
Wee Lee Sheng and Hazel Lim conducting the training

CERAMAH BAGAIMANA MENGHAYATI SEPENUHNYA BULAN RAMADHAN TALK ON HOW TO FULLY APPRECIATE THE MONTH OF RAMADHAN

Ceramah terakhir bulan Ramadhan untuk kakitangan dan rakan sekerja Nexus berlangsung pada hari Jumaat, 7 Mei 2021 dengan penceramah jemputan Ustaz Hj Md Syahiran Hj Md Sofian dari KUPUSB yang berkongsi tips bagaimana untuk menghayati sepenuhnya bulan Ramadhan dan meraih ganjaran sebanyak mungkin melalui pelbagai amalan dan amal kebaikan.

The final talk for the month of Ramadhan for Nexus staff and associates took place on Friday, 7th May 2021 with the invited speaker Ustaz Hj Md Syahiran Hj Md Sofian from KUPUSB sharing tips on how to fully appreciate Ramadhan and reap as much rewards as possible through various religious practices and good deeds.



Ustaz Hj Md Syahiran Hj Md Sofian





Adri Hj Mohd Arshad menyampaikan penghargaan kepada penceramah
Adri Hj Mohd Arshad presenting a token of appreciation to the speaker

